

# Untung sedikit, muflis menanti

**KUALA LUMPUR 29 Dis.** - Tindakan memanipulasi sistem perbankan dengan menghantar borang permohonan pinjaman sewa beli ke beberapa buah bank secara serentak dengan niat untuk mendapatkan beberapa buah kereta dalam satu masa bagi tujuan pemajakan kereta sewa disifatkan sebagai tindakan yang hanya akan menjerat diri.



**BARJOYAI BARDAI**



**MADELINE BERMA**

Pakar ekonomi Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), **Prof. Dr. Barjoyai Bardai** berkata, individu yang berbuat demikian atas dasar untuk mendapatkan pendapatan bulanan lumayan, hanya akan menikmati keuntungan itu dalam masa terhad sebaliknya mereka mungkin diisytiharkan muflis kelak.

Katanya, jika senario itu tidak dikawal, ia bakal memberikan kesan kepada industri kereta sewa akibat berlakunya lebihan kuantiti penawaran berbanding permintaan semasa.

Tambahnya, perkara itu secara langsung akan memberikan kesan kepada harga kereta sewa dan akhirnya pemajak yang dahulunya memperoleh keuntungan

berlipat kali ganda bakal kehilangan lebih daripada separuh daripada nilai berkenaan.

"Contohnya seseorang yang mempunyai lapan buah kereta untuk tujuan pajakan boleh menjana untung antara RM500 hingga RM550 bagi sebuah kereta pada setiap bulan. Sekiranya berlaku lebihan penawaran, syarikat kereta sewa tidak lagi mampu menawarkan nilai serupa.

"Angka itu akan berlaku penurunan yang akhirnya memberikan tekanan secara menyeluruh kepada pemajak kerana tidak mampu lagi menanggung bayaran bulanan bank dan akhirnya muflis," ujarnya ketika dihubungi di sini.

Laporan Khas *Utusan Malaysia*

hari ini menyiarkan mengenai isu memanipulasi sistem perbankan sehingga membolehkan seseorang itu membeli lebih daripada sebuah kenderaan secara serentak walaupun mempunyai pendapatan sekitar RM3,000 sebulan.

Dalam pada itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Madya Dr. Madeline Berma** menasi-

hati orang ramai terutama golongan muda agar tidak melibatkan diri dengan sebarang aktiviti yang menjana keuntungan segera seperti itu.

Jelasnya, cara memajak berkenaan sering kali hanya akan menguntungkan sebelah pihak sahaja iaitu syarikat kereta sewa.

"Individu-individu yang terlibat ini membuat pinjaman dalam satu jumlah yang sangat besar berbanding pendapatan tetap bulanan mereka. Seandainya berlaku sebarang kesulitan nanti, yang akan menanggung bebanan hutang adalah peminjam, syarikat kereta sewa tidak akan terkesan sama sekali," katanya.